

# Perdagangan: PM bidas negara2 maju

BR 13 JUL 1985

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menegur negara-negara maju yang menurutnya tidak berminat mengadakan aliran perdagangan yang bebas dengan negara-negara membangun.

Perdana Menteri berkata, Malaysia masih merasakan bahawa negara-negara maju tidak jujur dan tidak begitu berminat untuk menggalakkan aliran perdagangan bebas antara dua pihak itu, demikian menurut Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Mon Jamaluddin, di sini petang ini.

Beliau berkata demikian selepas Setiausaha Negara Bagi Hal Eh-

wal Luar Kanada, Encik Joe Clark mengunjungi Perdana Menteri di pejabatnya di sini.

Menurut Datuk Mon, Perdana Menteri menyatakan perhatian beratnya terhadap dasar perlindungan perdagangan dan tarif di negara-negara maju itu.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia sentiasa percaya kepada perdagangan bebas.

Perdana Menteri juga menyarankan agar perdagangan antara Kanada dengan Malaysia ditingkatkan, kerana perdagangan antara kedua-dua negara itu setakat ini adalah kecil.

Selain meningkatkan perdagangan, Kanada juga diminta menambahkan pelaburannya di negara ini. Schubungan itu beliau berharap negara itu dapat memindahkan teknologin

Kanada pula, menurut Datuk menyatakan kesediaan untuk mengadakan satu seminar perdagangan antara negara ini bagi tujuan itu. Bagaimana-

pun, tarikh sebenar seminar itu belum ditetapkan.

Mengenai pelajaran, Perdana Menteri berharap Kanada menimbangkan kemasukan penuntut negara ini ke tahun tiga dan empat di institusi-institusi pengajian tinggi negara itu.

## Dadah

Menurut Datuk Mon, menteri Kanada itu telah menyatakan bahawa negeranya akan mengkaji saranan itu.

Perkara-perkara lain yang dibincangkan, termasuk permintaan Kanada untuk mengetahui lebih lanjut pandangan Perdana Menteri mengenai perkembangan Ascan.

Bagaimanapun, soal keganasan dan dadah tidak dibincangkan dalam pertemuan selama sejam itu, kata Datuk Mon.